

ICREM 2

bincang pelbagai isu Matematik

BANGI (25-27 Mei) – Seramai 180 peserta terdiri daripada wakil IPTA, IPTS dan pihak industri dari Malaysia, Indonesia, India, Taiwan, Kanada, Australia dan Singapura mengikuti Persidangan Penyelidikan dan Pengajaran Dalam Matematik (ICREM 2) bertempat di Hotel Residence, dekat sini baru-baru ini.

Persidangan kali kedua ini anjuran Institut Penyelidikan Matematik (INSPEM), Universiti Putra Malaysia.

Tema persidangan pada kali ini, *“Enhancing Cooperation in the Promotion of Research and Education in Mathematics”* dengan memberi fokus kepada penyelidikan dan pendidikan yang berkaitan dengan

Oleh:
SHARIL NIZAM SHA’RI

bidang sains matematik dan aplikasinya.

Objektif utama konferensi ini diadakan untuk menggalakkan pertukaran idea tentang penemuan terkini dalam bidang sains matematik, menyediakan forum bagi mewujudkan interaksi di kalangan penyelidik, pengajar dan ahli matematik untuk membincangkan perkembangan semasa sains matematik.

Selain itu, peluang seumpama ini dapat digunakan untuk mengenal pasti bidang yang memungkinkan kerjasama penyelidikan antara penyelidik tempatan dan luar nega-

*Sebahagian peserta
Persidangan
Penyelidikan dan
Pengajaran Dalam
Matematik
bergambar selepas
majlis perasmian.*

ra dalam bidang sains matematik.

Pegawai Sains INSPEM, Zurita Ismail berkata, konferensi ini berjalan dengan lancar. Hasil dari penganjuran ini kerjasama penyelidikan dalam dan luar negara telah dapat dijalinan.

Konferensi pada hari pertama dimulakan dengan majlis perasmian oleh Presiden *Southeast Asian Mathematical Society* (SEAMS), Prof. Madya Dr. Tang Eng Chye dan pelancaran produk pertama



INSPEM bertajuk *‘Educational Software and Textbook for Teaching and Learning University Introductory Calculus’*.

Produk ini adalah hasil penyelidikan beberapa saintis di Inspem yang diketuai oleh Pengarahnya Prof. Dato’ Dr. Kamel Ariffin Mohd. Atan.

Majlis Makan Malam turut diadakan di Dewan Musytari, Hotel Residence bagi meraikan para pembentang dan peserta. Majlis ini di-

serikan dengan kehadiran Menteri Besar Selangor, Dato’ Seri Dr. Mohamad Khir Toyo dan isteri, Datin Seri Zaharah Kechik.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan IPT, Dato’ Prof. Dr. Hassan Said, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Prof. Dr. Nik Mustapha Raja Abdullah, Dekan-dekan dan Ketua Jabatan. Majlis Makan Malam ini ditaja oleh Kumpulan Darul Ehsan, Selangor.